PSP dipilih jadi tuan rumah

Seramai 176 peserta dari seluruh politeknik akan bentang kajian masing-masing pada simposium

Peserta bersama pensyarah mendaftarkan diri pada Simposium Warisan Bangsa di Politeknik Seberang Perai.

Peserta yang hadir pada simposium Warisan Bangsa 2014 di Politeknik Seberang Perai bermula semalam hingga Jumaat ini.

PERMATANG PAUH - Politeknik Seberang Perai (PSP) melakar sejarahnya sendiri apabila menjadi tuan rumah Simposium Warisan Bangsa yang berlangsung semalam hingga 28 November ini.

Simposium itu mendapat penganjuran Politeknik Metro Tasek Gelugor, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Politeknik Sultan Abdul Halim Muazam Shah dan Politeknik Balik Pulau selain turut melibatkan penyertaan Universitas Indonesia.

Pengarah Politeknik Seberang Perai, Zulkifli Ariffin berkata, sebanyak tiga kategori boleh dipilih 176 peserta untuk membentangkan kajian masing-masing iaitu kesenian, kebudayaan dan warisan.

Menurut beliau, pada simposium ini, Anugerah Penghargaan Warisan kepada tokoh dan penggiat warisan turut diberi bagi menghargai usaha mereka dalam melestarikan warisan kebudayaan dan kesenian kepada generasi muda.

"Simposium yang dianjurkan ini juga akan membincangkan isu berkaitan kepentingan kesenian dan warisan yang hampir pupus.

"Sebagai mahasiswa teknikal, pengetahuan seni budaya ini adalah pelengkap kepada jati diri," katanya.

Zulkifli berkata, umumnya ramai yang beranggapan seni budaya tidak relevan dengan bidang teknikal tetapi sebenarnya ia saling memerlukan melalui ciptaan arca, reka bentuk rumah, hiasan tradisional dan sebagainya.

Katanya, semangat ini bersesuaian dengan tema program ini iaitu Teknikal Memperkaya Budaya.

"Saya berharap penemuan dan pengetahuan dari simposium ini akan membantu semua pelajar dalam mencintai seni budaya warisan bangsa kita supaya tidak pupus masa," katanya.

"Simposium yang dianjurkan ini juga akan membincangkan isu berkaitan kepentingan kesenian dan warisan yang hampir pupus." - Zulkifli